

Pengumpul koleksi misteri 'keliru' pameran difatwa haram

Nasib hantu filem lebih baik

Kosmo m/s 8 22.4.07

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

shahrul@kosmo.com.my

SIAPA tidak kenal Safuan Abu Bakar, orang penting di sebalik pameran kontroversi hantu di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam tahun lalu apabila banyak artifak miliknya dipertikai sebuah kumpulan paranormal.

Lebih mesra sebagai Ustaz Safuan, beliau memiliki sebuah muzium peribadi, Nurul 'Ala, yang dibuka sejak 1991 di Kuang, Sungai Buloh, Selangor yang menyimpan koleksi barangan pelik mencecah lebih 100 jenis.


Namun isu hantu menarik perhatian pelbagai pihak dan akhirnya Majlis Fatwa Kebangsaan di Kuala Terengganu pada 12 April lalu memutuskan pameran hantu haram di sisi Islam kerana memesong akidah.

"Tujuan diadakan pameran bukan untuk menerapkan kepercayaan sesat kepada pengunjung, tetapi lebih kepada memberi pendidikan," jelas Safuan yang bagaimanapun menghormati keputusan itu.

Ironinya, British Museum di London, Smitsonian Museum, Washington DC dan Muzium Kaherah di Mesir sudah seabad mengadakan pameran hantu, tiada pula berita orang Islam terpesong akidah.

Masyarakat Malaysia yang sebelum ini tidak gemar ke muzium untuk melihat artifak purba bertukar sebaliknya apabila 'hantu' menjelajah ke seluruh negara sejak dipelopori Muzium Negara pada Julai 2002.

Pameran tersebut berjaya menarik pengunjung daripada 37,307 kepada 256,722 orang dalam masa sebulan. Ia kemudian dicontohi



MASYARAKAT kita masih mencari penjelmaan hantu secara konkrit. — Gambar hiasan

pula oleh muzium-muzium negeri dengan motif sama.

Masyarakat kita ke muzium pun untuk melihat hantu, bukan artifak nenek moyang terdahulu. Sekurangnya ada juga keinginan orang kita ke muzium walaupun hendak melihat hantu dan barang misteri.

Pendeknya, hantu menjadi 'pelaris' untuk menjadikan orang kita berminat ke muzium atau mungkin memang masyarakat Malaysia gilakan hantu namun bagaimana pula dengan filem hantu?

Tidakkah ia juga memesongkan akidah atau sekadar pelaris industri hiburan yang kian lesu? Pelakon, pengarah dan penggiat seni, Ahmad Idham ketika diminta mengulas berkata, filem hantu amat berbeza.

Malah pengarah filem seram *Jangan Pandang Belakang* itu menegaskan, penceritaan hantu dalam filem bukan untuk memesongkan akidah atau mengajar penonton menjadi penakut.

"Semua orang sedar dengan kewujudan hantu dan syaitan. Tujuan filem bukan untuk mena-

kutkan masyarakat, tetapi untuk menyedarkan kepada 'siapa' sebenarnya kita harus takut.

"Sebagai masyarakat Islam, secara rohaninya kita akan berbalik kepada Tuhan (Allah) apabila 'disergah' perasaan takut. Itulah cara filem mendidik," katanya.

Pensyarah Universitas Pembinaan Masyarakat di Medan, Indonesia, Drs. Mohammad Idrus Abu Hanifah atau Pak Idrus pula menyifatkan masyarakat Nusantara masih galak mencari 'penjelmaan konkrit' hantu sebenarnya.

"Masyarakat Nusantara sudah lama percayai kewujudan hantu malah banyak filem hantu terbit di gugusan Nusantara untuk menggambarkan hantu secara konkrit. Buruknya, ada yang terus takut selepas menonton.

"Yang tidak kuat iman pula akan terus sesat dan takut kepada selain Maha Pencipta," jelasnya.

Ada juga benarnya kata Ahmad Idham, orang kita selalu berbalik kepada agama apabila trauma melihat jelmaan hantu yang menakutkan untuk memohon perlindungan-Nya.

Mengulas dari aspek psikologi dan sosial, Prof. Madya Asmah Bee Mohd. Noor berkata, sikap masyarakat kita yang gemar kepada benda tidak nyata menjadi punca kepada sikap 'suka tengok hantu'.

Ahli Majlis Persatuan Psikologi Malaysia (Psima) itu berkata, masyarakat kita suka dengan benda tidak jelas seperti hantu, fikiran mereka lalai memikirkan benda yang tidak nyata.

"Lebih serius, terus hidup dalam ketakutan hingga mengganggu mental," jelas pensyarah psikologi Universiti Utara Malaysia ini.

Soal hukum filem seram bukan sesuatu yang diketengahkan di sini, tetapi berkaitan cara masyarakat melihat hantu dari aspek pematapan akidah, sosial dan psikologi.

Industri filem Malaysia ibarat baru tumbuh gigi dengan pelbagai genre kreatif termasuk elemen momok.

Filem bukan untuk menakutkan. Ia hanya memberi gambaran kasar tentang makhluk bergelar hantu tetapi tidak mengiakan itu adalah wajah sebenar polong, pontianak, langsuir atau sebagainya.



Pemilik Muzium Koleksi Nurul Ala, Safuan Abu Bakar menunjukkan koleksi yang terdapat di muzium miliknya di Kuang, Selangor